



d/a Surau Al-Hamidin Taman Cahaya, Lot 28819, Jalan Cahaya 7, Taman Cahaya, 68000 Ampang, Selangor

USUL

USUL BERHUBUNG TINDAKAN PEMEGANG JAWATAN BKS YANG MEMINDAHKAN TEMPAT OPERASI DAN/ATAU ALAMAT BERDAFTAR TANPA KEBENARAN PIHAK PENDAFTAR PERTUBUHAN ("ROS") SEPERTI PERUNTUKAN AKTA PERTUBUHAN 1966

Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") pada hari ini mengambil maklum :

1. BAHAWA Pemegang Jawatan BKS telah memindahkan tempat operasi dan/atau alamat berdaftar BKS ke lokasi lain.
2. BAHAWA tindakan tersebut telah dilakukan tanpa kelulusan pihak Pendaftar Pertubuhan Malaysia ("ROS") dan telah menyalahi peruntukan Akta Pertubuhan 1966.
3. BAHAWA Seksyen 11 Akta Pertubuhan 1966 menyatakan kegagalan mematuhi Seksyen 11 di atas, jika disabitkan, boleh mengakibatkan BKS dan setiap Pemegang Jawatan BKS dikenakan suatu denda tidak melebihi RM3,000.00 (lihat Lampiran D).

Maka dengan ini AGM pada hari ini hendaklah memutuskan :

1. Menzahirkan rasa kesal terhadap tindakan pemindahan operasi dan alamat berdaftar yang dilakukan tanpa mandat Mesyuarat Agung dan tanpa pematuhan yang sewajarnya.
2. Mengarahkan Pemegang Jawatan BKS untuk membentangkan kepada ahli-ahli dalam tempoh 30 hari perkara-perkara :
 - * tarikh sebenar perpindahan;
 - * keputusan mesyuarat yang meluluskan perpindahan;
 - * sebab-sebab perpindahan;
 - * dokumen berkaitan pematuhan kepada kehendak ROS;
 - * implikasi kewangan yang timbul daripada perpindahan tersebut.



d/a Surau Al-Hamidin Taman Cahaya, Lot 28819, Jalan Cahaya 7, Taman Cahaya, 68000 Ampang, Selangor

3. Mengarahkan Pemegang Jawatan BKS mengambil tindakan segera bagi memulihkan kedudukan BKS supaya selaras dengan perlembagaan dan kehendak undang-undang.
4. Mengarahkan Pemegang Jawatan BKS mendapatkan nasihat rasmi daripada pihak ROS dan mengemukakan laporan pematuhan kepada ahli-ahli.
5. Mengarahkan sebarang pertukaran alamat berdaftar atau perpindahan operasi pada masa hadapan hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan mengikut perlembagaan BKS dan kehendak undang-undang yang berkuat kuasa.

Nama : Dato' Fauzuddin B. Daud

No Ahli : 1418

Tandatangan: 

(b) satu salinan baginya diperolehi oleh mana-mana orang daripada Pendaftar atau Penolong Pendaftar:

Dengan syarat bahawa orang yang meminta pemeriksaan atau salinan itu menyatakan maksud yang dia berkehendakkannya, dan Pendaftar berpuas hati bahawa maksud itu adalah suatu maksud yang menurut undang-undang, dan bahawa pemeriksaan atau salinan itu tidak diminta oleh atau bagi pihak sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang. [Mas. Akta
A700]

(2) Tiada mana-mana orang, selain daripada seseorang yang Pendaftar berpuas hati adalah seorang ahli suatu pertubuhan, boleh memeriksa, atau mendapat daripada Pendaftar atau Penolong Pendaftar akaun pertubuhan itu atau suatu salinannya. [Gan. Akta
A557]

(3) Suatu salinan atau cabutan daripada apa-apa dokumen yang diterima di pejabat Pendaftar atau Penolong Pendaftar yang diperakui sebagai salinan atau cabutan yang benar dengan tandatangan dan meterai Pendaftar atau Penolong Pendaftar hendaklah, diterima dalam keterangan dalam mana-mana prosiding sebagai sama sahnyanya dengan dokumen asalnya.

11. Perubahan nama, tempat urusan dan aturan-aturan pertubuhan.

(1) Tiada pertubuhan berdaftar boleh—

[Pind. Akta
A557]

(a) mengubah nama atau tempat urusannya; atau

(b) meminda aturan-aturannya,

tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Pendaftar, dan suatu permohonan untuk apa-apa perubahan, atau pindaan kepada aturan-aturannya hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam masa enam puluh hari dari tarikh keputusan untuk membuat perubahan atau pindaan itu. [Pind. Akta
A1027]

(2) Jika suatu pertubuhan berdaftar gagal mematuhi seksyen ini, maka pertubuhan itu dan tiap-tiap pemegang jawatan pertubuhan itu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap [Pind. Akta
A1027]

Akta ini dan hendaklah dikenakan, apabila disabitkan, suatu denda tidak lebih daripada tiga ribu ringgit.

(3) Bagi maksud seksyen ini—

(a) perkataan “pinda” dan perkataan yang seumpamanya hendaklah termasuk suatu aturan baru dan suatu ketetapan membatalkan suatu aturan; dan

(b) perkataan “aturan-aturan” termasuk maksud dan tujuan bagi mana suatu pertubuhan ditubuhkan, atau yang ia berusaha hendak mencapai, atau yang kerananya dananya, atau mana-mana daripadanya, boleh digunakan, kelayakan bagi menjadi anggota dan bagi memegang apa-apa jawatan, kaedah pelantikan atau pemilihan bagi apa-apa jawatan, aturan-aturan yang dengannya pertubuhan itu akan dikelolai dan kaedah dan cara bagaimana mana-mana hal yang di atas itu boleh dipinda.

[Akta A557] **11A. (Dipotong).**

12. Cawangan suatu pertubuhan.

(1) Tiada pertubuhan berdaftar boleh menubuhkan suatu cawangan tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh enggan memberi kebenaran kepada penubuhan suatu cawangan pertubuhan berdaftar jika—

(a) aturan-aturan pertubuhan itu tidak membuat peruntukan untuk menubuhkan suatu cawangan pertubuhan itu; atau

(b) aturan-aturan cawangan pertubuhan itu adalah sedemikian hingga menjadikan cawangan pertubuhan itu suatu pertubuhan yang bebas yang tidak ada di bawah kelolaan pertubuhan itu dengan secukupnya.